

TARIKH	10 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	p6	RUANGAN	News

Tabung Haji Jengka agih buku akaun percuma

BANDAR TUN RAZAK- Tabung Haji Cawangan Jengka semalam mengagihkan lebih 1,000 buku akaun Tabung Haji kepada pelajar dan ibu bapa Sekolah Kebangsaan Jengka Pusat.

Pengurus Tabung Haji Jengka, Rusli Abu Bakar berkata, pengagihan buku akaun percuma itu merupakan tajaan dari syarikat korporat dan ahli perniagaan.

"Dengan penyerahan buku akaun Tabung Haji ini secara tidak langsung dapat menggalakkan anak dan ibu bapa menabung di dalam Tabung Haji."

"Pelajar yang menerima buku akaun ini juga secara automatik menjadi ahli kelab Taha sekali gus boleh me-

nikmati pelbagai kemudahan yang disediakan," katanya.

Penaja yang juga merupakan ahli perniagaan Jengka, Ahmad Sabrey Idris, berkata, diharap dengan pemberian buku terbabit dapat dimanfaatkan sepenuhnya pelajar dan ibu bapa.

"Kami harap dengan pemberian buku akaun ini juga dapat memupuk minat dan semangat golongan muda ini untuk mengerjakan Haji suatu hari nanti," katanya.

Difahamkan, penerima buku terbabit juga telah dinilai dari sudut sama ada mereka telah memiliki akaun Tabung Haji terbabit selain kriteria-kriteria lain.



Ahmad Sabrey (tengah) menyerahkan sebahagian buku akaun Tabung Haji kepada Hamzah (dua, kiri) sambil diperhatikan Rusli (dua, kanan).